

23 APR 2001

RAKYAT TERIMA PEMBANGUNAN JIKA TIDAK DIHASUT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat umumnya akan menerima rancangan pembangunan jangka panjang yang dilaksanakan oleh kerajaan jika tidak dihasut oleh pihak tertentu.

Perdana Menteri berkata semua rancangan pembangunan yang dibentangkan oleh kerajaan seperti Rangka Rancangan Jangka Panjang dan Rancangan Malaysia ialah untuk kebaikan rakyat.

"Kalau rakyat tidak dihasut, saya percaya rakyat akan terima. Semua ini adalah untuk kebaikan rakyat, tapi akan ada hasutan, akan ada orang melempar fitnah untuk menyuruh rakyat supaya jangan terima, ini cerita lama," katanya kepada pemberita selepas membentangkan usul Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir berkata sudah menjadi cara bagi pihak berkenaan untuk menghalang dan menimbulkan tentangan daripada rakyat setiap kali kerajaan hendak melakukan sesuatu yang baik.

"Ini cara mereka, kita buat apapun, macam itulah tapi umumnya rakyat di Malaysia cukup bekerjasama, melainkan kalau mereka dihasut," katanya.

Ditanya bagaimanakah kerajaan akan mengatasi halangan berkenaan, Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa menghabiskan masa dan tenaga untuk memberi penjelasan kepada rakyat bagi melawan dakwah yang disebar dan dilemparkan terhadap rancangan berkenaan.

"Kerana hasutan inilah, banyak benda terbelangkalai," katanya.

-- BERNAMA

HS MS MAI